



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 9(44)

Tarikh : 13 Februari 2020

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

**PELAKSANAAN MANUAL OSC 3.0 PLUS DI SEMUA PIHAK
BERKUASA TEMPATAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta semua Agensi / Jabatan Teknikal yang berkaitan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah berhubung penggunaan Manual OSC 3.0 Plus di semua Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Terdapat banyak isu keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dalam urusan mendapatkan permit pembinaan sering kali diangkat dan dibincangkan di kalangan pelbagai pihak yang terlibat

dalam sektor pemajuan hartanah serta penggiat industri pembinaan. Antara isu yang kerap kali dikaitkan dengan perkara ini adalah:

- (i) Tempoh masa kelulusan Pelan Pemajuan yang tidak konsisten dan kadang kala terlalu panjang;
- (ii) Kelemahan pemantauan status projek secara manual dan transaksi secara konvensional di kaunter OSC; dan
- (iii) Prosedur yang tidak lengkap dan kurang jelas di dalam Manual OSC 3.0 tahun 2014;

MANUAL OSC 3.0 PLUS DAN PELAKSANAAN SISTEM OSC 3.0 PLUS ONLINE

3. Manual *OSC 3.0 Plus* ini menggariskan tatacara dan prosedur kerja yang seragam untuk kegunaan di seluruh Negara. Inisiatif ini diambil untuk meningkatkan tahap keyakinan dan kepercayaan pelabur dalam sektor pembinaan iaitu melalui peningkatan kompetensi dan kecekapan perkhidmatan awam terutama di PBT. Penggunaan manual juga dapat membantu meningkatkan pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang.

4. Manual *OSC 3.0 Plus* boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://jkt.kpkt.gov.my/ManualOSC>.

5. Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Manual *OSC 3.0 Plus*, ia disokong oleh Sistem *OSC 3.0 Plus Online* melalui pematuhan prosedur kerja secara pengoperasian digital. Bagi fasa pertama, sistem ini telah diguna pakai oleh 10 PBT rintis. Seterusnya, pelaksanaan Sistem *OSC 3.0 Plus Online* bagi fasa kedua akan melibatkan 40 PBT

di Semenanjung Malaysia bermula pada awal tahun 2020 dan diikuti oleh baki 48 PBT menjelang pertengahan tahun 2020.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Kerajaan Tempatan,
Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Ketua Perundingan Kawalan Pemajuan)
No. Tel : 03-8891 3300
No. Faks : 03-8891 3410

PENUTUP

8. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN, PBT serta semua Agensi / Jabatan Teknikal yang berkaitan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI HJ. MOHAMMAD BIN MENTEK)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

13 Februari 2020

s.k.

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Agensi / Jabatan Teknikal yang berkaitan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah